

FKSU UMS Libatkan Pihak Industri Dalam Bengkel Semakan Kurikulum

Terakhir dikemaskini: Rabu, 28 Ogos 2019 14:59 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 82

[Syorkan 0](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


RABU, 28
OGOS
Fakulti

Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSU) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah melibatkan pihak industri bagi mendapatkan pandangan berkaitan kehendak pasaran masa kini dalam Bengkel Semakan Kurikulum Siri 3/2019 yang dianjurkan baru-baru ini.

Menurut kenyataan dari FKSU, pihak industri yang terlibat dalam bengkel tersebut adalah Timbalan Pengarah Majlis Keselamatan Negara (MKN) Negeri Sabah, Amir Shah Noor Ahmad; Timbalan Pengarah Pengembangan Bahasa dan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah, Rusdi Awang; dan Penolong Pengarah Kanan Jabatan Tenaga Kerja Sabah, Madzaral Sebalun yang juga merupakan Alumni UMS.

“Fokus utama bengkel ini adalah untuk meningkatkan kolaborasi di antara pihak universiti dan industri ke arah melahirkan graduan yang memenuhi keperluan industri serta menyelesaikan masalah graduan tidak mendapat pekerjaan.

“Pihak universiti boleh memperkukuhkan kerjasama dua hala menerusi pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) dengan pelbagai pihak untuk membentuk satu jaringan strategik yang bukan sahaja membentuk satu kerjasama formal universiti-industri malah membuka laluan kepada pelbagai kebaikan bagi kedua-dua pihak,” demikian menurut kenyataan tersebut.

Maklum balas dari pihak industri pula menyatakan bahawa universiti sebagai pusat kecemerlangan akademik amat bergantung kepada kerjasama strategik yang terjalin dengan industri dalam pembentukan kurikulum pengajaran dan pembelajaran yang relevan kepada keperluan industri, dan usaha itu akan meningkatkan kebolehpasaran graduan tempatan.

Terdahulu, satu ceramah bertajuk “Kerelevanan Bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan Masa Kini” telah disampaikan oleh Profesor dari FKSU, Prof. Dr. Hashim Awang yang antara lain menyentuh bidang sains sosial dan kemanusiaan merupakan pelengkap kepada bidang sains yang membangunkan teknologi dalam persekitaran revolusi industri yang berteraskan Data Raya (Big Data).

“Sains sosial dan kemanusiaan merupakan sistem sokongan bagi membangunkan modal insan yang seimbang dari sudut rohani dan jasmani, membentuk peribadi manusia berteraskan kreativiti, rasa ingin tahu dan memahami keadaan sekeliling yang akhirnya boleh beradaptasi dengan keadaan yang diwujudkan oleh teknologi,” kata Prof. Dr. Hashim Awang.

Turut terlibat sama dalam bengkel sehari itu Dekan FKSU, Dr. Marsitah Mohd Radzi; Timbalan Dekan Akademik, Dr. Jalihah Md Shah; Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi, Dr. Dzurizah Ibrahim; Ketua Unit

Kualiti FKSU, Dr. Ubong Ibang; dan ketua-ketua program bagi sepuluh program pengajian di FKSU.